

Menanam Kasih, Menuai Ilmu: Si Cilik NCDRC Alami Dunia Pertanian Bersama Siswa UPSI

Tanjong Malim, 30 Disember - Alam semula jadi dan kanak-kanak sememangnya tidak dapat dipisahkan. Aktiviti yang berteraskan eksplorasi alam seperti aktiviti di luar kelas bukan sahaja mampu menanamkan rasa cinta kepada alam sekitar, malah melatih si cilik untuk menjadi pencinta alam yang lebih prihatin. Kanak-kanak turut berpeluang belajar menghargai serta menyayangi flora dan fauna yang menjadi pelengkap keindahan persekitaran mereka.

Meneroka dunia pertanian dan alam sekitar merupakan salah satu kaedah pembelajaran berkesan kerana ia melibatkan pengalaman langsung yang merangsang kelima-lima deria utama iaitu penglihatan, sentuhan, rasa, bau dan pendengaran. Teknik pengajaran multisensori ini terbukti mampu meningkatkan daya sensori kanak-kanak, memberikan impak yang besar terhadap pertumbuhan mereka, serta menyumbang kepada kestabilan emosi si cilik. Aktiviti seperti ini turut membantu dalam menekankan setiap aspek perkembangan kanak-kanak secara holistik.

Sebagai sebahagian daripada pembelajaran berpusatkan alam dan pertanian, pelajar kursus Asas Reka Bentuk Landskap dari Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) dan Fakulti Pembangunan Manusia (FPM) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) mengambil inisiatif memperkenalkan pengalaman menanam pokok bunga matahari kepada lebih 20 kanak-kanak. Aktiviti ini berlangsung di ladang bunga matahari, Unit Hortikultur, FTV, Kota Malim Prima pada 26 dan 30 Disember lalu.

Dalam program ini, kanak-kanak tidak hanya berpeluang menanam pokok bunga matahari, tetapi juga diberi pengalaman menyemai biji benih dan memahami proses penyemaian secara pembelajaran melalui aktiviti praktikal. Ts. Dr. Mohd Amirul Hussain, Pensyarah Kanan Jabatan Sains Pertanian FTV menyatakan bahawa lawatan seperti ini sangat dialu-alukan kerana ia mampu memberikan pengalaman bermakna kepada pengunjung selain dapat mempelajari teknik penjagaan bunga matahari secara praktikal.

"Untuk program ini, kita melibatkan pelajar kursus Asas Reka Bentuk Landskap secara langsung sebagai fasilitator dalam berkongsi ilmu pertanian kepada kanak-kanak. Pembelajaran terbaik adalah apabila kanak-kanak dapat merasai sendiri proses pembelajaran, sehingga mereka mampu menceritakan pengalaman itu dengan penuh teruja kepada ibu bapa, sahabat dan guru."





SULAM Antarabangsa: Kolaborasi Pendidikan Malaysia - Indonesia

Padang Indonesia, 22 Disember - Sebuah projek merentas sempadan geografi Malaysia, Program SULAM Antarabangsa telah dilaksanakan dengan jayanya melalui kolaborasi bersama oleh 34 orang pelajar Insan Guru Profesional dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan 38 orang pelajar Microteaching dari Universitas Negeri Padang (UNP). Seramai 24 pelajar Insan Guru Profesional telah ke Padang, Indonesia manakala selebihnya terlibat secara hibrid di Malaysia.

Matlamat utama program ini adalah untuk menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang telah dipelajari

di bilik kuliah. Khidmat komuniti yang diberikan adalah melibatkan interaksi mahasiswa/i UPSI dan UNP dengan komuniti pelajar Sekolah Menengah Atas Negeri 10, Padang (SMANTEN), Indonesia.

Program SULAM Antarabangsa bagi kursus Insan Guru Profesional (KPG3013) AT16B telah diketuai oleh saudara Muhammad Afiq Akmal Ayzuddin, dengan bimbingan Dr. Nur Izwani Mohd Shapri selaku pensyarah kursus Insan Guru Profesional, UPSI dan Dr. Muhyiatul Fadilah selaku pensyarah kursus Microteaching, UNP.

Pada hari Program SULAM tersebut, dua kumpulan iaitu Kumpulan 7 dengan

projek yang bertajuk Tahap Pengetahuan Teknologi Hijau Dalam Kalangan Pelajar Sains dan Kumpulan 2 dengan projek Kemahiran Proses Asas Sains: Asas Pembangunan Pemikiran Kritis telah terlibat dalam pengajaran secara langsung bersama 40 orang pelajar dari kelas 10 E.1, SMANTEN.

Selain daripada aktiviti yang menarik sepanjang pelaksanaan kedua-dua projek ini, program turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti lain seperti Ice Breaking sebagai sesi pembukaan, Fun Activity dan diakhiri dengan sesi penutup. Ujian pra dan ujian pos turut dijalankan untuk menguji keberhasilan projek yang telah dilaksanakan.

Funfit KAB: Sukan Untuk Semua serlahkan bakat, potensi penghuni kolej

Tanjong Malim, 20 Disember - Majlis Mahasiswa Kolej Aminuddin Baki (KAB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sidang 2024/2025 telah mengadakan satu program sukan atau dikenali sebagai Funfit KAB : Sukan Untuk Semua.

Program ini dianjurkan bagi menyediakan

platform untuk menunjukkan bakat dan potensi para penghuni Kolej Aminuddin Baki dalam pelbagai bidang sukan. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penghuni kolej melalui semangat persaingan yang sihat.

Beberapa jenis sukan telah dipilih untuk dipertandingkan bagi memastikan penglibatan yang menyeluruh daripada semua penghuni kolej, termasuk sukan fizikal seperti Futsal, Bola Jaring, Bola Tampar dan Sepak Takraw serta sukan elektronik seperti Mobile Legend.



Penyelidik UPSI Cipta Aplikasi dan Kit Jahit Pintar

Produk penyelidikan ini dikenali sebagai Aplikasi Pembelajaran Media Augmented Reality (AR) Jahit Pintar. Projek diketuai oleh Prof Madya Dr. Arasinah Kamis, Dr. Muhammad Khair Nordin, Dr Rahimah Jamaludin dan Puan Asmahan Md Yusoff Aizudin. Aplikasi dan Jahit Pintar ini didanai sendiri dengan jumlah RM17,000.00.

Produk yang sesuai untuk semua peringkat umur ini dapat membantu masyarakat mendapatkan maklumat berkaitan jahitan asas, jahitan

sulaman tangan, bahan serta peralatan jahitan secara mudah dan efisien. Selain itu, masyarakat juga akan lebih cepat belajar secara sendiri menggunakan Kit Jahit Pintar dengan mudah dan selamat. Seiring dengan IR 4.0, produk yang belum mempunyai pasaran di Malaysia mahupun antarabangsa ini dapat menyelesaikan masalah bosan dengan jahitan cara konvensional.

Ia turut mempunyai nilai tambah bagi meningkatkan

kemahiran psikomotor secara 'Hand-On' terhadap jahitan. Selain itu, ia dapat juga memperbaiki amalan pedagogi pendidik dengan lebih efisien. Aplikasi dan Kit Jahit Pintar ini berpontesi untuk dipasarkan di sekolah rendah, sekolah menengah, universiti awam, universiti swasta dan orang ramai. Produk telah memenangi Pingat Emas dalam PECEPTA 22 (INTERNATIONAL CONFERENCE AND EXPOSITION OF INVENTIONS BY INSTITUTION OF HIGHER LEARNING).



Tanjong Malim

Majlis Simbolik Penyerahan Kad Alumni Serta Menubuhkan Alumni Chapter Uzbekistan



Tanjong Malim

Lawatan ke Tapak Mural pada Tangki Air Berusia 100 Tahun di KSAJ



Tg Rambutan

Program Pemindahan Ilmu Perkasa Pemain Bola Sepak Akar Umbi Negeri Perak



Tanjong Malim

Lawatan Tapak Penambahbaikan Ruang di Institut Pengajian Siswazah (IPS)



Tanjong Malim

UPSI Lancar Program Health Heroes Innovation Challenge 2024 Perkasa Kemahiran CPR dalam Komuniti



Tanjong Malim

Sambutan Krismas Erat Hubungan Antara Pelajar Tempatan dan Pelajar Antarabangsa